



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2023**

**PERUBAHAN MASA DAN ARAHAN PENANGGUHAN PROGRAM/ AKTIVITI SEMPENA  
MAJLIS TEMU ANWAR DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

1. Sukacita merujuk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 15/2023 – Kehadiran Staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ke Majlis Temu Anwar di UMK bertarikh 15 Jun 2023; **semua staf UMK adalah DIWAJIBKAN HADIR** bagi menjayakan program berkenaan mengikut ketetapan masa baharu berikut:

**Tarikh** : **18 Jun 2023 (Ahad)**  
**Masa** : **01:20 hingga 04:30 petang**  
**Tempat** : **Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok**  
**Tema Pakaian** : **Smart casual**

2. Sehubungan itu, **semua** program/ aktiviti seperti mesyuarat, perbincangan, seminar, bengkel, latihan dan lain-lain yang berkaitan perlu **DITANGGUHKAN** bagi memberi laluan kepada Majlis Temu Anwar di UMK bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.
3. Kerjasama Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) diminta bagi memastikan pematuhan ke atas arahan ini dilaksanakan.
4. Atas segala perhatian yang diberikan, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL ERUAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)**

Pendaftar

16 JUN 2023

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab